

29/09/1999

Penggiat seni di Kelantan `tersepit`

Mokhtar Alias

SUDAH lama tidak mendengar khabar Mek Nab. Beberapa tahun kebelakangan ini, dia nampak kurang ceria. Sudah bertahun-tahun bermain makyung, secara tiba-tiba dia terpaksa mencari punca rezeki lain. Sudah nasib Mek Nab jadi tukang urut. Itulah kerjanya selepas Kerajaan Kelantan pimpinan Pas mengharamkan makyung.

Pada 1991, Kelantan mengharamkan makyung bersama dua lagi kesenian tradisi yang menjadi kebanggaan rakyat selama ini, wayang kulit dan menora atas alasan ia melanggar syariat Islam dan berunsur khurafat. Dikir barat agak bernasib baik masih boleh dimainkan tetapi dengan syarat yang begitu ketat. Seperti Mek Nab, pemain dan pendukung kesenian itu hilang punca, bertempiran mencari rezeki lain. Ada yang datang ke negeri lain untuk meneruskan perjuangan seni mereka, masih ramai terus menetap di Kelantan untuk menghabiskan sisa hidup dengan bertani, menjadi nelayan atau menanam tembakau.

Penglipur lara yang kerap memecah kesunyian malam hilang semangat, khalayak tercari-cari seni yang dicintai. Tidak banyak didengar khabar berita mereka. Hamzah Awang Amat yang dianugerahkan Seniman Negara agak bernasib baik kerana mendapat peluang berbakti dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Primadona makyung, Khatijah Awang juga begitu. Nama seperti Mek Nab hanya kedengaran ketika dia diundang untuk muncul dalam persembahan khas di rumah Pena, Oktober ini. Fauziah Nawi yang cuba membawa Mek Nab memberi perkhabaran Mek Nab nampak ceria, dia sudah mula menyanyi semula.

Pengharaman ini menerima banyak pandangan dan kegusaran di kalangan masyarakat. Penggiat dikir barat masih dibolehkan menerusi persembahan tetapi proses birokrasi atau kerenah di pejabat jajahan (daerah) di negeri ini, menyebabkan banyak rungutan diterima. Mereka dikenakan syarat ketat. Pada 1998, Kelantan menerusi satu keputusan mesyuarat Exco yang dipengerusikan oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengharamkan terus dikir barat.

Berikutan tindakan ini, ramai penggiat kesenian tradisi tersepit dan terpaksa lari ke luar. Penghibur bidang lain turut menerima kesan dan mengambil langkah yang sama. Kapilla, kumpulan berimej rock yang popular dengan dikir rambung adalah contoh pelarian seni yang mencipta nama di luar Kelantan.

Apa yang nyata, tindakan Pas meracun kegiatan kesenian ini menyebabkan ramai penggiat dan karyawan kehilangan mata pencarian. Malah, kegiatan itu turut tersekat. Agak bernasib baik, Kuala Lumpur sebagai kota budaya terus membajai, menyiram kesinambungan budaya seni ini daripada terus dihakis. Daripada Panggung Eksperimen, Matic, Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga ruang legar kompleks membeli belah dan hotel terus menjadi gelanggang untuk memupuk kesenian tradisi ini.

Ketika rakyat masih tertanya-tanya dengan tindakan kerajaan Kelantan ini, secara tiba-tiba timbul cadangan daripada Ketua Penerangan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ruslan Kassim supaya memboikot album penyanyi Siti Nurhaliza Tarudin, penyanyi tersohor masa kini. New York baru menggamit kedatangannya kerana dia berpeluang menjadi model bahan kecantikan wanita, Maybelline. Dia juga menjadi duta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan melaporkan, baru-baru ini, bahawa ketika berucap dalam satu majlis ceramah anjuran Keadilan dan Pas

di Pulau Langkawi, Ruslan berkata Siti digunakan oleh kerajaan untuk membawa imej politik kerajaan.

Dia mendakwa ucapan Siti ketika muncul dalam satu persembahan Hari Kebangsaan di Stadium Bukit Jalil, pada malam menjelang 31 Ogos, mirip dengan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis yang sama.

Hal ini menimbulkan kesan yang cukup menarik dalam senario muzik tanah air kerana sejak sekian lama belum pernah didengar cadangan pemuluan seumpama ini. Lebih-lebih lagi ia membabitkan artis dan parti politik tertentu.

Pas yang bersekongkol dengan Keadilan, nampaknya secara tiba-tiba turut melatah. Beria-ia sangat mereka memanjangkan isu ini. Ramai tidak menyangka Pas yang kurang prihatin terhadap pendukung kesenian tradisi secara tegas mengambil sikap yang sama dengan Keadilan.

Selama ini, pandangan Pas terhadap artis nampak begitu jelek. Selain mengharamkan beberapa kesenian tradisi di Kelantan, Pas turut mengharamkan konsert membabitkan penyanyi dan kumpulan semasa seperti pop dan rock. Seperti penggerak kesenian tradisi, artis dari Kelantan juga terpaksa mencari makan di luar negeri itu.

Mengikut laporan akhbar, Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar mendakwa kerajaan kehabisan modal dan terpaksa mengumpam Siti Nurhaliza untuk menarik sokongan.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, pemimpin pembangkang mempunyai hak untuk menyuarakan pandangan selagi ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang menghairankan khalayak, mengapa secara tiba-tiba pemimpin pembangkang seolah-olah takut apabila personaliti terkemuka di kalangan artis menyuarakan hasrat hati mereka secara terbuka.

Siti Nurhaliza dilaporkan berkata dia mempunyai hak untuk menyatakan pendirian terhadap apa yang disaksikan dalam sebuah negara bernama Malaysia. Sudah sewajarnya keamanan yang ada dijaga dan meminta semua pihak supaya bersatu.

Menurut Siti, hasrat ini didukung oleh segenap lapisan masyarakat yang sentiasa mahukan negara ini terus aman yang akan membolehkan keadaan ekonomi terus pulih.

Penyanyi itu yang tidak mahu mengaitkan dirinya dengan politik juga bersedia menyanyi di mana tempat sekalipun.

Mengenai perkara itu, Pengurus Artis & Repertoire Suria Record, Sham Amir Hussain menganggap ucapan pendek Siti Nurhaliza pada malam itu lahir daripada hatinya yang ikhlas dan tidak berniat untuk menyatakan pendirian terhadap mana-mana pihak.

Menurutnya, ucapan itu dibuat hasil pengamatan dalam negaranya sendiri dan didorong oleh hasrat supaya semua pihak bersatu dalam menangani sebarang masalah.

"Apa juga pandangannya, kita kena hormati tetapi saya tidak fikir, ia berbau politik, ia lahir daripada sudut hatinya dengan penuh ikhlas," katanya.

Mengenai tindakan memulau album Siti Nurhaliza, Sham berkata mereka menyerahkan kepada peminat kerana selama ini mereka lebih bijak memilih.

"Kalau lagu seseorang penyanyi, tidak kira siapalah, sedap dan lunak didengar, dengan sendiri peminat akan beli. Kalau kita kata jangan beli, mereka beli kerana ia dapat memberi kepuasan pada dirinya," katanya.

Walaupun pada suatu sudut, isu membabitkan Siti Nurhaliza agak remeh untuk diperbesarkan oleh pemimpin pembangkang, khalayak sudah tentu terfikir mengenai kebimbangan yang sedang bersarang di kepala mereka. Soalnya, apakah mereka sendiri yang kehabisan modal sehingga penyanyi yang selama ini dikenali sikap sederhana ini turut diseret.

Apa yang jelas, isu yang sedang berlaku mengingatkan semula mengenai tindakan dan dasar kerajaan Pas Kelantan terhadap soal kesenian seperti makyung, menora, wayang kulit dan dikir barat serta konsert hiburan di negeri itu. Kerajaan negeri itu dilihat begitu mudah menghukum kesenian yang dibanggakan oleh rakyatnya sejak zaman berzaman tanpa memperhitungkan masa depan pendukung kesenian itu sendiri.

Bila Keadilan memandang dengan pandangan tajam, pemimpin Pas pula dalam malu-malu `mengerling' Siti Nurhaliza, sudah tentulah sukar untuk meramalkan degup jantung dan getar rasa mereka. Sudah pasti khalayak tidak mahu ada tangan gatal yang akan terus mengharamkan kesenian Melayu dan menutup periuk nasi penghibur serta pendukung. Apa yang barang sudah tentu ialah rakyat tidak mahu tangan ini meraba dalam gelap dan kurang kawalan semata-mata mahu mencapai maksud politik mereka tanpa memperhitungkan kepentingan sejagat.

(END)